**PERATURAN PEMARKAHAN**
**EKONOMI KERTAS 2**
**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2025**

| **Soalan** | | **Butiran** | **Markah** |
|---|---|---|---|
| 1 (a) | H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br><br>H7<br>H8 | Faktor tersebut ialah tanah<br>Merupakan sumber alam semulajadi/anugerah tuhan<br>Mempunyai mobiliti kegunaan<br>Tidak mempunyai mobiliti geografi<br>Ganjarannya adalah sewa<br>Menyediakan tempat, sumber asli dan ruang untuk menjalankan aktiviti pengeluaran<br>Penawaran terhad<br>Pusat riadah/contoh kegunaan pantai | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4 *m*]** |
| 1(b)(i) | F1 | Sistem Ekonomi Campuran | 1<br><br>**[1 *markah*]** |
| 1(b)(ii) | H1<br><br>H2<br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br><br>H7<br><br>H8 | Membekalkan barang awam / barang sosial kepada masyarakat<br>Menstabilkan ekonomi negara<br>Meningkatkan taraf hidup masyarakat<br>Mengawal harga barang dan perkhidmatan<br>Memaksimumkan kebajikan masyarakat<br>Rumah adalah barang keperluan/perlu dimiliki/contoh yang berkaitan rumah<br>Harga rumah terlalu tinggi dalam pasaran/masyarakat tidak mampu<br>Melaksanakan program ekonomi awam/ Dasar Perumahan Negara/Dasar-dasar kerajaan yang berkaitan | 1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>1<br><br>1<br><br>**[Mak. 3 m]** |
| 1(c) | | Rajah Keluk permintaan<br><br><br>**Nota** : Rajah perlu lengkap beserta titik origin dan unit<br>Terima rajah dengan angka. | 3 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H1 | Hukum permintaan ialah semakin tinggi harga sesuatu barang, semakin rendah kuantiti yang diminta | 1 |
| | H2 | Apabila harga meningkat dari P0 ke P1, kuantiti diminta menurun dari Q0 ke Q1 | 1 |
| | H3 | sebaliknya semakin rendah harga sesuatu barang, semakin tinggi kuantiti yang diminta | 1 |
| | H4 | sebaliknya apabila harga menurun dari P0 ke P2, kuantiti diminta meningkat dari Q0 ke Q2. | 1 |
| | H5 | Keluk permintaan mencerun ke bawah dari kiri ke kanan | 1 |
| | H6 | Hubungan antara harga dan kuantiti diminta adalah negatif/songsang<br><br>**Nota**: Keluk permintaan yang lengkap : 3m<br>Huraian : 3m | 1<br><br>**[Mak. 6 *m*]** |
| 1(d)(i) | | Es = $\frac{\text{\%Perubahan Kuantiti}}{\text{\% Perubahan Harga}}$<br>@<br>= $\frac{42\%}{35\%}$<br><br>= 1.2 | <br>1<br><br><br>1<br>**[2 *markah*]** |
| 1(d)(ii) | H1 | Anjal | 1 |
| | H2 | Pekali keanjalan melebihi 1/ Es>1 | 1 |
| | H3 | Peratus perubahan kuantiti ditawar melebihi peratus perubahan harga/ $\%\Delta Qs>\%\Delta P$ | 1 |
| | H4 | Pengeluar sangat responsif terhadap perubahan harga | 1 |
| | H5 | Bentuk keluk penawaran adalah landai | 1 |
| | H6 | Jenis barang adalah barang perkilangan/contoh | 1<br>**[Mak. 4 *m*]** |
| 2(a)(i) | F1 | Bank Pusat/ Bank Negara Malaysia/BNM | 1 |
| 2(a)(ii) | F1 | Mengeluarkan mata wang | 1 |
| | H1 | duit syiling dan wang kertas | 1 |
| | F2 | Mengawal kestabilan nilai mata wang | 1 |
| | H2 | Mewujudkan sandaran minimum/ campur tangan pasaran pertukaran asing (FOREX) / mengawal inflasi | 1 |
| | F3 | Menjadi jurubank kepada kerajaan | 1 |
| | H3 | Mentadbir akaun negara iaitu akaun kewangan dan akaun pinjaman kewangan/ memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan/, mengurus hutang negara/ memberi nasihat pelaburan kepada kerajaan / mengurus pertukaran asing | 1 |
| | F4 | Menjadi jurubank kepada bank perdagangan | 1 |
| | H4 | Mengurus akaun penjelasan antara bank/ membayar hutang antara bank kesan pengeluaran cek/menjaga rizab berkanun/ simpanan wajib bank perdagangan dalam pusat | 1 |
| | F5 | Mengawal kestabilan ekonomi | 1 |

<table>
<tr><td></td><td>H5</td><td>mengawal inflasi dan kemelesetan ekonomi melalui dasar kewangan</td><td>1<br><br>**[Mak. 4 *m*]**</td></tr>
<tr><td>2(b)</td><td>H1<br>H2<br><br>H3<br><br><br>H4<br><br>H5<br>H6<br><br>H7<br>H8</td><td>Kadar faedah adalah kos bagi membuat pinjaman<br>Kadar faedah yang lebih tinggi akan meningkatkan jumlah ansuran bulanan<br>Kadar faedah yang tinggi bermakna jumlah faedah yang dibayar juga lebih tinggi, menjadikan kos pinjaman lebih mahal<br>Kadar faedah yang lebih tinggi meningkatkan ansuran bulanan dan jumlah kos pinjaman secara keseluruhan.<br>Terdapat kadar faedah tetap dan kadar faedah terapung<br>Kadar faedah terapung bergantung kepada keadaan ekonomi semasa<br>Contoh kadar faedah meningkat semasa inflasi<br>Merupakan alat dasar kewangan</td><td>1<br>1<br><br>1<br><br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4 *m*]**</td></tr>
<tr><td>2(c)</td><td></td><td><table>
<tr><th></th><th>Gambar 1</th><th></th><th>Gambar 2</th></tr>
<tr><td>H1a</td><td>Unit Amanah</td><td>H1b</td><td>Logam berharga</td></tr>
<tr><td>H2a</td><td>Risiko rendah</td><td>H2b</td><td>Risiko sederhana</td></tr>
<tr><td>H3a</td><td>Pulangan rendah</td><td>H3b</td><td>Pulangan tinggi</td></tr>
<tr><td>H4a</td><td>Tahap kecairan tinggi</td><td>H4b</td><td>Tahap kecairan rendah</td></tr>
</table></td><td>1+1<br><br>1+1<br>1+1<br><br>1+1<br><br>**[Mak. 4 *m*]**</td></tr>
<tr><td>2(d)(i)</td><td></td><td>Nilai X = 5.83 unit<br><br>Nilai Y = 9 unit</td><td>1<br><br>1</td></tr>
<tr><td>2(d)(ii)</td><td>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br>H7<br>H8</td><td>Tahap kedua pengeluaran<br>Tahap pengeluaran yang paling cekap<br>Bermula daripada MP = AP<br>Berakhir apabila MP = 0<br>Jumlah keluaran meningkat / daripada 26 hingga 37<br>TP meningkat dengan kadar berkurangan<br>Nilai AP menurun selepas 5 orang buruh<br>Nilai AP melebihi MP</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**[Mak. 4 *m*]**</td></tr>
<tr><td>3(a)</td><td>H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br>H7<br>H8<br>H9</td><td>Peranan kerajaan sebagai majikan<br>Dapat memaksimumkan kebajikan Masyarakat<br>Meningkatkan kuasa beli/permintaan<br>Meningkatkan taraf hidup penjawat awam<br>Meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara<br>Meringankan beban kewangan penjawat awam<br>Meningkatkan Tabungan/pelaburan<br>Menambahkan perbelanjaan<br>Mengurangkan kos sara hidup/mana-mana tujuan yang berkaitan</td><td>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4 *m*]**</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3(b) | **Persamaan** | | |
| | Kedua-duanya merupakan sumber hasil kerajaan | | 1 |
| | Kedua-duanya merupakan alat dasar ekonomi | | 1 |
| | **Perbezaan** | | |
| | **Maklumat 1** | **Maklumat 2** | |
| | Cukai langsung | Cukai tak langsung | 1+1 |
| | Beban cukainya tidak boleh dipindahkan kepada pihak lain | Beban cukainya boleh dipindahkan kepada pihak lain | 1+1 |
| | Dikenakan atas individu dan firma yang memperoleh jumlah pendapatan tertentu | Dikenakan atas barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh firma | 1+1 |
| | **Nota** :1 persamaan + mana-mana 2 perbezaan | | **[Mak. 5 *m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 3(c) | H1 | Dapat melindungi industri tempatan terutama industri muda | 1 |
| | H2 | Dapat memperbaiki imbangan pembayaran seperti pengurangan nilai import dapat mengurangkan pembayaran ke luar negara | 1 |
| | H3 | Mengatasi masalah lambakan supaya dapat mengelakkan daripada penjualan lebihan barang import. | 1 |
| | H4 | Memberi peluang pekerjaan kepada rakyat tempatan apabila industri tempatan semakin berkembang. | 1 |
| | H5 | Memberi sumber hasil kepada kerajaan seperti tarif | 1 |
| | H6 | Mengurangkan persaingan industri tempatan dengan industri luar negara | 1 |
| | H7 | Menjamin keselamatan dan kesihatan | 1 |
| | | | **[Mak. 5 *m*]** |
| 3(d)(i) | | H1 USD 60 000 x RM 4.47 | 1 |
| | | H2 RM 268 200.00 | 1 |
| | | | **[2 *markah*]** |
| 3(d)(ii) | H1 | Nilai RM meningkat/ matawang asing merosot | 1 |
| | H2 | Harga relatif import lebih murah | 1 |
| | H3 | Kuantiti import akan meningkat | 1 |
| | H4 | Harga relatif eksport lebih mahal | 1 |
| | H5 | Kuantiti eksport akan berkurang | 1 |
| | H6 | Nilai import melebihi nilai eksport | 1 |
| | H7 | Imbangan dagangan defisit/kurangan/negatif | 1 |
| | H8 | Aliran masuk wang kurang dari aliran keluar wang | 1 |
| | | | **[Mak. 4 *m*]** |
| 4(a)(i) | F1 | Deflasi / kemelesetan ekonomi / Pandemik Covid-19 | 1 |
| 4(a)(ii) | H1 | disebabkan oleh permintaan yang berkurang dengan ketara | 1 |
| | H2 | ramai individu kehilangan pekerjaan | 1 |
| | H3 | wujud banyak ketidaktentuan ekonomi | 1 |
| | H4 | Wujud tekanan kewangan | 1 |
| | H5 | pelaburan / perbelanjaan menjadi lebih rendah. | 1 |
| | H6 | Firma menurunkan harga untuk menarik pengguna | 1 |
| | H7 | Isi rumah tidak berbelanja kerana kedudukan kewangan kurang | 1 |
| | | | **[Mak. 4 *m*]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 4(b) | H1<br><br>H2<br><br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br>H7<br>H8 | Tujuan menyokong aktiviti ekonomi semasa pandemik COVID-19.<br>kadar faedah yang rendah menyebabkan kos pinjaman lebih rendah<br>mengurangkan pulangan atas simpanan.<br>meningkatkan pinjaman<br>akan merangsang perbelanjaan aggregat<br>meningkatkan pelaburan firma<br>melindungi pekerjaan / mengurangkan pengangguran<br>meningkatkan pendapatan / keuntungan | 1<br><br>1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 6 *m*]** |
| 4(c) | | **Tahap 1**<br>• Pengetahuan yang terhad tentang teori atau konsep ekonomi<br>• Penjelasan umum dan terhad tentang kesan tindakan BNM<br>• Menyenaraikan fakta sahaja/tanpa huraian<br><br>**Tahap 2**<br>• Dapat menjelaskan /mengaplikasikan teori dan konsep ekonomi dengan situasi yang di beri dengan betul<br>• Huraian/keterangan yang relevan<br>• Boleh menghubungkaitkan isu yang di beri tetapi kurang relevan/tidak mendalam<br>• Jawapan 1 sisi sahaja<br><br>**Tahap 3**<br>• Mengemukakan idea / pandangan yang bernas, kreatif dan rasional<br>• Menghuraikan fakta/isi dengan tepat, betul, jelas dan mendalam<br>• Boleh menghubungkaitkan jawapan dengan pelbagai tajuk<br>• Mengemukakan kesimpulan / dapatan / rumusan/ pandangan/ bukti/ data yang relevan<br>• Jawapan 2 sisi<br><br>***Contoh jawapan:***<br>**Sisi 1 ( Kesan positif )**<br>• Bank Negara Malaysia mengawal kadar inflasi<br>• Kadar OPR (Overnight Policy Rate) ialah kadar faedah asas yang ditetapkan Bank Negara Malaysia (BNM)<br>• Kenaikan OPR bertujuan mengawal inflasi<br>• kos pinjaman meningkat<br>• jumlah pinjaman berkurang<br>• mengurangkan kecenderungan pengguna untuk berbelanja.<br>• Permintaan agregat menurun<br>• harga barangan dan perkhidmatan berkurang | **[1- 3 m]**<br><br><br><br>**[4 – 6 m]**<br><br><br><br>**[7 – 9 m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | • kestabilan nilai mata wang negara<br>• Inflasi terkawal<br><br>**Sisi 2 (Kesan negatif)**<br><br>• Kenaikan OPR menyebabkan kos pinjaman lebih tinggi kepada pengguna dan firma<br>• Kadar faedah yang lebih tinggi meningkatkan bayaran pinjaman bulanan bagi isi rumah dan firma .<br>• pendapatan boleh guna berkurang<br>• Perbelanjaan pengguna menurun<br>• Pelaburan firma menyusut akibat kos pembiayaan meningkat<br>• Pertumbuhan ekonomi negara menjadi perlahan<br>• Kadar pengangguran mungkin meningkat kerana pengurangan aktiviti ekonomi | **[9 *markah*]** |
| 5(a) | H1 | Inflasi tolakan kos | 1 |
| | H2 | Peningkatan kos bahan mentah | 1 |
| | H3 | Firma ingin mengekalkan margin keuntungan | 1 |
| | H4 | Firma memindahkan beban kepada pengguna | 1 |
| | H5 | Firma menaikkan harga roti | 1 |
| | H6 | Contoh: kenaikan harga tepung gandum | 1<br>**[Mak. 4 *m*]** |
| 5(b) | | Rajah keluk permintaan:<br> | 4 |
| | H1 | Permintaan jatuh | 1 |
| | H2 | Penentu harga barang itu | 1 |
| | H3 | Harga naik dari P0 ke P1 | 1 |
| | H4 | Kuantiti menurun dari Q0 ke Q1 | 1 |
| | H5 | Melibatkan perubahan kuantiti diminta | 1 |
| | H6 | Pengucupan permintaan<br><br>**Nota** : Rajah : 4 m<br>Huraian : 3 m | 1<br><br>**[Mak. 7 *m*]** |

<table>
<tr><td>5(c)</td><td></td><td>Tahap 1<br>• Pengetahuan yang terhad tentang teori atau konsep ekonomi<br>• Penjelasan umum dan terhad tentang beban kos sara hidup<br>• Menyenaraikan fakta sahaja/tanpa huraian<br><br>Tahap 2<br>• Dapat menjelaskan /mengaplikasikan teori dan konsep ekonomi dengan situasi yang di beri dengan betul<br>• Huraian/keterangan yang relevan tetapi kurang mendalam<br>• Mengemukakan idea yang rasional dan masih sesuai serta relevan<br><br>Tahap 3<br>• Mengemukakan idea / pandangan yang bernas, kreatif dan rasional<br>• Keterangan betul, sangat jelas, matang dan mendalam<br>• Menghubungkait jawapan dengan pelbagai tajuk<br>• Mengemukakan kesimpulan / dapatan / rumusan/ cadangan<br><br>Contoh jawapan:<br>- Pemberian subsidi bersasar kepada golongan B40<br>- Kerajaan boleh menyalurkan bantuan terus seperti subsidi makanan atau bantuan tunai.<br>- Mengurangkan beban kewangan rakyat dan meningkatkan kuasa beli golongan rendah.<br>- Pengawalan harga barangan keperluan asas<br>- Mengawal harga barang penting seperti roti, beras dan minyak masak untuk mengelakkan kenaikan melampau.<br>- Menstabilkan pasaran dan melindungi pengguna daripada inflasi mendadak.<br>- Galakkan persaingan dalam pasaran melalui sokongan kepada PKS<br>- Memberi insentif kepada pengusaha kecil untuk menghasilkan barangan alternatif pada harga berpatutan.<br>- Menambah bekalan dan pilihan, sekali gus mengurangkan tekanan harga.</td><td>[1 - 3 m]<br><br>[4 – 6 m]<br><br>[7 – 9 m]<br><br>[9 markah]</td></tr>
<tr><td>6(a)</td><td>H1<br>H2<br>H3</td><td>Perbelanjaan pembangunan<br>Perbelanjaan yang tidak berulang<br>Perbelanjaan untuk pembangunan sumber manusia</td><td>1<br>1<br>1</td></tr>
</table>

| | | | |
|---|---|---|---|
| | H4<br>H5<br><br>H6<br>H7 | Sektor perkhidmatan sosial/pendidikan<br>Tujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat/kualiti modal insan negara<br>Dibiayai oleh sumber hasil negara<br>meningkatkan pembentukan modal negara | 1<br>1<br><br>1<br>1<br>**[Mak. 4 *m*]** |
| 6(b) | H1<br>H2<br>H3<br>H4<br>H5<br>H6<br>H7<br>H8<br>H9<br>H10 | Meningkatkan kebolehpasaran buruh<br>Mengurangkan kebergantungan kepada buruh asing<br>Meningkatkan kualiti pendidikan<br>Meningkatkan daya saing buruh<br>Meningkatkan pendapatan/ kuasa beli<br>Kadar kemiskinan menurun<br>Tabungan masyarakat meningkat<br>Meningkatkan taraf hidup rakyat<br>Memaksimumkan Kebajikan masyarakat<br>Memperbaiki sosioekonomi masa depan | 1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>1<br>**[Mak. 7 *m*]** |
| 6(c) | | **Tahap 1**<br>• Jawapan yang tiada pendirian<br>• Pengetahuan yang terhad tentang teori atau konsep ekonomi<br>• Penjelasan umum dan terhad tentang isu pembangunan TVET yang dapat membantu negara mencapai objektif makroekonomi.<br>• Menyenaraikan fakta sahaja/tanpa huraian<br><br>**Tahap 2**<br>• Jawapan yang mempunyai pendirian<br>• Dapat menjelaskan /mengaplikasikan teori dan konsep ekonomi dengan situasi yang di beri dengan betul<br>• Huraian/keterangan yang relevan tetapi kurang mendalam<br>• Boleh menghubungkaitkan isu yang diberi tetapi kurang mendalam<br>• Mengemukakan idea yang rasional dan masih sesuai serta relevan<br><br>**Tahap 3**<br>• Jawapan yang mempunyai pendirian<br>• Mengemukakan idea / pandangan yang bernas, kreatif dan rasional<br>• Keterangan betul, sangat jelas, matang dan mendalam<br>• Menghubungkait jawapan dengan pelbagai tajuk<br>• Mengemukakan kesimpulan / dapatan / rumusan/ cadangan | **[1 - 3 m]**<br><br><br><br><br><br><br>**[4 – 6 m]**<br><br><br><br><br><br><br>**[7 – 9 m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | ***Contoh jawapan:***<br>- Setuju<br>- Mengurangkan kadar pengangguran<br>- TVET menyediakan kemahiran teknikal dan vokasional yang diperlukan oleh industri.<br>- Graduan lebih mudah mendapat pekerjaan kerana memenuhi kehendak pasaran buruh.<br>- Mengurangkan kebergantungan kepada bantuan kebajikan kerajaan.<br>- Meningkatkan hasil cukai pendapatan apabila lebih ramai bekerja.<br>- Meningkatkan pertumbuhan ekonomi menerusi peningkatan guna tenaga.<br>- Menurunkan kadar jenayah yang berpunca daripada masalah pengangguran.<br>- Meningkatkan produktiviti tenaga kerja<br>- berkemahiran tinggi dapat meningkatkan kualiti dan kecekapan pengeluaran.<br>- Produktiviti yang tinggi menyumbang kepada pertumbuhan KDNK.<br>- Mengurangkan kos purata pengeluaran bagi firma<br>- Meningkatkan daya saing produk tempatan<br>- Membolehkan firma menawarkan gaji lebih tinggi<br>- Meningkatkan keuntungan dan hasil cukai negara<br><br>- Tidak setuju<br>- Berlaku ketidakseimbangan penawaran dan permintaan tenaga kerja berkemahiran<br>- Walaupun kerajaan memperkukuh TVET, masih terdapat ketidakpadanan antara kursus TVET yang ditawarkan dengan permintaan sebenar industri.<br>- Graduan TVET gagal mendapat pekerjaan yang sesuai, menyebabkan kadar pengangguran masih tinggi dan tidak menyumbang kepada objektif guna tenaga penuh.<br>- Pendapatan isi rumah berkurang akibat kekurangan peluang pekerjaan<br>- Permintaan agregat dalam ekonomi menurun kerana kuasa beli rakyat terjejas.<br>- Peningkatan beban Kerajaan untuk menyediakan bantuan Kebajikan kepada penganggur.<br>- Berlaku pembaziran sumber manusia apabila potensi tenaga kerja tidak dimanfaatkan sepenuhnya. | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 7(a) | H1<br><br>H2<br>H3<br>H4<br>H5 | Cukai yang dikenakan ke atas barangan import oleh sesebuah negara.<br>Bertujuan untuk meningkatkan harga barang import<br>Supaya barangan tempatan lebih kompetitif / murah<br>Pengguna beralih kepada produk tempatan.<br>Dapat membantu melindungi industri tempatan daripada persaingan luar. | 1<br><br>1<br>1<br>1<br>1<br><br>**[Mak. 4 *m*]** |
| 7(b) | |  | 4 |
| | H1<br><br>H2<br><br>H3<br>H4<br><br>H5<br>H6 | Keseimbangan asal pada E0, apabila SS bersilang dengan DD pada tingkat harga P0 dan kuantiti Q0<br>Apabila berlaku isu tarif, permintaan terhadap eksport Malaysia berkurang<br>Keluk permintaan beralih ke kiri (D0D1)<br>Keseimbangan baru terbentuk di E1, tingkar harga P1 dan kuantiti baru Q1<br>Wujud lebihan penawaran<br>Harga eksport Malaysia menurun dari P0 ke P1, kuantiti diminta berkurang dari Q0 ke Q1<br><br>**Rajah : 4 m**<br>**Huraian : 3 m** | 1<br><br>1<br><br>1<br>1<br><br>1<br>1<br><br><br>**[Mak. 7 *m*]** |
| 7(c) | | **Tahap 1**<br>• Pengetahuan yang terhad tentang teori atau konsep ekonomi<br>• Penjelasan umum dan terhad tentang langkah mengurangkan Kesan tarif<br>• Menyenaraikan fakta sahaja/tanpa huraian<br><br>**Tahap 2**<br>• Dapat menjelaskan /mengaplikasikan teori dan konsep ekonomi dengan situasi yang di beri dengan betul<br>• Huraian/keterangan yang relevan tetapi kurang mendalam<br>• Mengemukakan idea yang rasional dan masih sesuai serta relevan | **[1 - 3 m]**<br><br><br><br><br><br>**[4 – 6 m]** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | **Tahap 3**<br>• Mengemukakan idea / pandangan yang bernas, kreatif dan rasional<br>• Keterangan betul, sangat jelas, matang dan mendalam<br>• Menghubungkait jawapan dengan pelbagai tajuk<br>• Mengemukakan kesimpulan / dapatan / rumusan/ cadangan<br><br>***Contoh jawapan:***<br>- Meneroka Pasaran Baharu<br>- Kerajaan boleh menggalakkan pengeksport mencari pasaran alternatif seperti negara-negara ASEAN, Timur Tengah, Afrika dan negara-negara membangun lain yang mungkin mengenakan tarif yang lebih rendah.<br>- Dapat meluaskan pasaran / meningkatkan penawaran / pengeluaran<br>- Hasil eksport meningkat<br>- Tidak terlalu bergantung pada jualan ke Amerika Syarikat sahaja.<br>- Firma tempatan mampu untuk menghasilkan produk yang lebih baik.<br>- Produk tempatan jadi lebih dikenali di peringkat antarabangsa.<br>- Ekonomi negara jadi lebih stabil kerana banyak aliran wang masuk. / berlaku Imbangan dagangan lebihan.<br>- Memberi Insentif kepada Pengeksport<br>- Kerajaan boleh memberi insentif seperti rebat cukai, geran promosi eksport atau subsidi logistik untuk membantu pengeluar menampung kos tambahan akibat tarif tersebut.<br>- Kos pengeluaran firma menjadi lebih rendah.<br>- Harga produk eksport boleh dikekalkan atau diturunkan.<br>- Permintaan terhadap produk Malaysia meningkat di pasaran antarabangsa.<br>- Keuntungan firma meningkat dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara | **[7 – 9 m]** |